

## MISAI KUCING – LEBIH DARIPADA HANYA SEKUNTUM BUNGA YANG CANTIK

oleh: Benjamin Drewe

Sejenis pokok yang sering kali ditemui di taman-taman tempatan kerana kecantikannya sebagai pokok bunga perhiasan yang menarik ialah pokok tropika *Orthosiphon aristatus*, atau nama tempatannya “Misai Kucing”. Manakala pokok ini memang asalnya daripada Asia Tenggara dan kawasan tropika Australia, khasiat perubatannya tidaklah begitu diketahui di rantau ini berbanding dengan di tempat lain di dunia.

Golongan terawal penjajah Belanda di Indonesia pernah mengamalkan amalan meminum herba ini sebagai teh herba dan pembersih darah. Setelah yakin dengan khasiatnya, mereka lalu membawanya pulang bersama mereka ke Eropah. Hari ini, iaitu lebih daripada 200 tahun kemudian, Misai Kucing ditanam secara meluas dan dan menjadi antara herba terpilih di Belanda, Jerman, Perancis dan England.

Kepopularan Misai Kucing berpunca daripada kesan penggalak diuresis (penyingkiran air kencing) tanpa memudaratkan ginjal (buah pinggang). Ini membuatnya salah satu bahan diuretik paling selamat daripada kalangan ubatan herba. Ia kaya dengan kalium (*potassium*) lalu mampu menggantikan kalium yang kehilangan daripada badan, iaitu masalah yang sering dihadapi dengan banyak ubatan diuretik lain.

Kini, herba ini muncul dalam ubatan herba moden di serata dunia. Di peringkat tempatan pula, Misai Kucing digunakan untuk merawat sakit-sakit sendi akibat artritis (penyakit sendi), gout (sembap) dan reumatisme (penyakit sengal). Ini lahir daripada kemampuannya menggalakkan perembesan asid urik dan sisa metabolisme dari dalam otot dan sendi. Apabila asid-asid ini terkumpul dalam tisu dan ditambah pula dengan peredaran darah yang lembap, sakit dan radang boleh terjadi. Dengan itu, herba ini digabungkan dengan Pegaga supaya menggalakkan peredaran darah dan dengan Kunyit dan Halia untuk memanfaatkan sifat-sifat antiradang. Maka, Misai Kucing merupakan satu contoh bahan rawatan herba yang berkesan sebagai pilihan lain selain daripada ubatan supresif (penahan).

Untuk melegakan sakit-sakit sendi, elakkanlah makanan kaya protein kerana protein menyumbang kepada pengumpulan sisa metabolisme ini. Faktor lain yang harus diawasi ialah tekanan jiwa, kurang senaman, dan kegerakan sendi.

Para pengamal perubatan tradisional seperti bomoh Melayu dan dan sinseh Cina sering menggunakan Misai Kucing dalam rumusan mereka untuk merawat diabetes (kencing manis) dan hipertensi (tekanan darah tinggi). Manakala tidak banyak penyelidikan yang telah dibuat terhadap khasiat Misai Kucing sebagai penawar diabetes, penyelidikan saintifik ke atas kesannya terhadap tekanan darah tinggi telah dibuat oleh Fakulti Farmasi, Universiti Fukuyama, Jepun. Telah didapati bahawa sesetengah daripada sebatian herba ini menggalakkan pengurangan berterusan dalam tekanan darah sistolik melalui tindakan pengembangan saluran

darah, pengurangan pengeluaran darah oleh jantung, dan tindakan diuretik. Dalam hal ini, kita semua hanya mampu mengagumi sesetengah daripada kebijaksanaan para pengamal perubatan tradisional.

Kini, di Eropah, Misai Kucing sering ditemui dalam produk yang diperlukan untuk menjamin tindakan diuretik yang selamat, umpamanya dalam menghasilkan penyahtoksikan (*detoxification*) dan merawat masalah pengekalan air (*water retention*), hipertensi dan batu karang. Misalnya, Misai Kucing kini merupakan salah satu herba yang diluluskan oleh pihak kerajaan Jerman sebagai rawatan untuk meningkatkan isi padu air kencing supaya membantu mencegah batu karang buah pinggang.

Misai Kucing diberi perhatian khusus dalam rawatan untuk mencegah pembentukan batu karang akibat asid urik. Dos herba kering yang disyorkan ialah 300-800 mg sehari, iaitu bersamaan dengan kira-kira 1.5 hingga 4 gram daun segar.

Bagaimanapun, harus diingatkan di sini bahawa sebarang rawatan terhadap penyakit ginjal (buah pinggang) dan batu karang sepatutnya hanya dibuat di bawah penyeliaan profesional. Masalah berkaitan buah pinggang hampir sentiasa menandakan masalah yang lebih merupakan masalah sistem tubuh, lalu punca ketidakseimbangan, jangkitan atau kemerosotan mestilah difahami. Juga, Misai Kucing tidak sepatutnya digunakan serentak dengan ubatan yang bertujuan untuk mengasidkan air kencing kerana ia mungkin menghilangkan kesan ini.

Misai Kucing juga telah dimasukkan ke dalam senarai rumusan untuk rawatan pengurangan berat badan kaedah herba di beberapa buah negara, dan ini memang sepatutnya menjadi sebab untuk membangkitkan sedikit sebanyak kebimbangan. Herba diuretik dalam rumusan seperti ini akan hanya membuat anda lebih kerap pergi ke tandas. Secara akal budi, boleh dibuat kesimpulan bahawa sebarang berat badan yang dapat dikurangkan dengan cara ini hanyalah mempunyai daripada penyingkiran air dan akan segera terganti dengan sendirinya. Dalam keadaan terbaik, rumusan pengurangan berat badan kaedah herba hanyalah merupakan muslihat yang akan hanya membuat anda lebih kerap berkunjung ke tandas. Manakala dalam keadaan terburuk pula, bahan tersebut malah boleh mengakibatkan masalah kesihatan, terutamanya bahan yang ditokok tambah dengan julap dan pembantut selera. Seperti biasa, yang diperlukan ialah akal budi dan maklumat latar yang mencukupi untuk membuat pilihan sewajarnya berhubung dengan kesihatan anda.

Benjamin Drewe ialah seorang Pengamal Perubatan Herba. Untuk maklumat selanjutnya, sila berhubung dengannya di 03-7847 1662, atau lawatilah [www.rainforestherbs.com.my](http://www.rainforestherbs.com.my)